

Media Sosial dan Terrorisme: Partisipasi Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia

[Social Media and Terrorism: Participation among Higher Learning Institution in Malaysia]

Fauziah Hassan*¹, Sofia Hayati Yusoff¹, Suria Hani A. Rahman¹, Siti Suriani Othman¹, Siti Zobidah Omar², & Kalsom Ali³

¹ Communication Program, Faculty of Leadership and Management, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

² Communication Program, Faculty of Modern Languages and Communication, Universiti Putra Malaysia, 43400 Seri Kembangan, Serdang, Selangor

³ Da'wah and Islamic Management Program, Faculty of Leadership and Management, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

* Corresponding author: fauziah.hassan@usim.edu.my

Abstract

Perdebatan dan perbincangan mengenai kandungan media sosial seperti Facebook, Twitter, Instagram, WhatsApp dan sebagainya dalam pengaruhnya menyebarkan kandungan seperti berita, foto dan video yang berkait dengan ekstrem dan keganasan seakan berleluasa. Kepantasan media sosial sebagai platform digital bertindak untuk menyebarluaskan kandungan berkaitan isu keganasan dari dalam dan luar negara perlu dipastikan kesahihannya. Hal ini kerana kandungan di media sosial berupaya untuk membentuk pengaruh, fikiran, dakyah dan ideologi yang tidak benar kepada pengguna

Manuscript Received Date: 08/08/21

Manuscript Acceptance Date: 10/09/21

Manuscript Published Date: 24/09/21

©The Author(s) (2021). Published by USIM Press on behalf of the Universiti Sains Islam Malaysia. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution Non-Commercial License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact usimpress@usim.edu.my

DOI: 10.33102/ujj.vol33no3.456



Universiti Sains Islam Malaysia
[ujjournal.usim.edu.my](http://ujournal.usim.edu.my)

terutama dalam kalangan remaja. Oleh itu, kajian ini akan membincangkan secara umum berdasarkan literatur yang lepas untuk melihat sejauh mana perbincangan mengenai isu keganasan di dalam media sosial ini telah didebatkan. Ini kerana, isu penyebaran kandungan berkaitan terrorisme di alam maya ternyata memberi impak ke atas pemikiran dan tindakan untuk meningkatkan kes-kes berkaitan keganasan sama ada secara fizikal ataupun serangan ideologi pemikiran. Selain itu, kajian ini juga telah menemubual enam pakar bidang untuk mendapatkan pengalaman dan pengetahuan mereka mengenai isu penggunaan media sosial sebagai platform penyebaran ideologi terrorisme. Selain itu, penyelidik juga cuba mendapatkan beberapa saranan dan cadangan untuk membendung isu ini terutama dalam kalangan pelajar IPT. Berdasarkan hasil kajian ini, cabaran untuk menangani isu ini sepertinya dipikul oleh semua pihak yang berkepentingan sama ada dari pihak kerajaan dan pentadbiran, pihak berkuasa, pembuat dasar dan polisi, pihak media dan juga pengguna media sosial itu sendiri. Kesedaran, pendidikan dan pemulihan tentang isu keganasan ini perlu dipergiatkan yang mana akhirnya akan membantu untuk mencapai keamanan, keadilan dan memperkuatkan institusi yang berkesan, bertanggungjawab dan inklusif di semua peringkat.

Kata kerja: *Kebergantungan media sosial, media sosial, terrorisme, pelajar IPT*

1.0 Pendahuluan

Malaysia berada dalam kedudukan antara 5 teratas dalam melayari media sosial di dunia dan di Asia Tenggara dengan menunjukkan pengguna *Facebook* adalah seramai 24 juta orang pengguna. Seterusnya ia diikuti oleh *Instagram* dengan 12 juta pengguna, *Twitter* dengan 2.63 juta pengguna dan *Snapchat* dengan 1.65 juta pengguna yang mana demografi pengguna adalah sekitar umur 25 hingga 34 tahun (Iszuanie Che Ilias, 2020). Berdasarkan laman web Statista.com, pada Januari 2021 terdapat sekitar 86 peratus penduduk Malaysia adalah pengguna media sosial yang aktif. Ini adalah peningkatan 24 peratus berbanding tahun 2016, di mana pengguna media sosial berjumlah kira-kira 62 peratus daripada jumlah penduduk di Malaysia. Platform media sosial yang paling popular dalam kalangan pengguna di Malaysia pada tahun 2020 adalah *Facebook*, *Instagram*, *Facebook Messenger*, dan *LinkedIn*. Sejak dilancarkan pada tahun 2004, *Facebook* telah menjadi platform media sosial yang paling banyak digunakan dalam kalangan pengguna media sosial di Malaysia sehingga kadar penembusan *Facebook* di Malaysia akan mencapai 70 hingga 71 peratus pada tahun-tahun mendatang. Selain itu, laman web ini juga menunjukkan peningkatan minat kepada penggunaan *Facebook* yang berterusan dalam kalangan pengguna media sosial yang mana dianggarkan bahawa jumlah pengguna *Facebook* di Malaysia pada 2023 adalah sekitar 24 juta pengguna (Muller, 2021).

Berdasarkan statistik yang dinyatakan, ia telah menunjukkan kepada ketagihan media sosial yang mana ia membawa kepada ketagihan tingkah laku yang berkaitan dengan keterikatan individu dengan media sosial. Tanpa mengira platform yang digunakan, kebanyakan rakyat Malaysia merasakan bahawa media sosial menyumbang kepada kebahagiaan mereka dan berpendapat sukar bagi mereka untuk berhenti menggunakan

media sosial. Hal ketagihan melayari media sosial ini membawa kepada kesan yang positif dan juga negatif sehingga pada hari ini banyak perbincangan perbincangan secara komprehensif telah dijalankan untuk membincangkan isu ketagihan penggunaan media sosial. Oleh itu, tidak dapat dinafikan bahawa dunia pada hari ini banyak bergantung kepada media sosial yang meliputi bidang pendidikan, penjagaan kesihatan, perniagaan, pengurusan bencana, politik, industri pelancongan, dan tentu saja, penggunaan perkongsian media dan hiburan (Jain & Vaidya, 2021). Namun, di sebalik manfaat yang disediakan oleh media sosial, terpalit juga sisi negatif dalam penyalahgunaan media sosial dengan menjadikan media sosial sebagai interaksi dan idea penyebaran terrorisme sehingga banyak kajian yang telah dibuat mengenai media sosial dan terrorisme. Menurut Jain dan Vaidya (2021), terdapat interaksi antara pengganas di antara kumpulan dan organisasi pengganas antarabangsa yang memainkan peranan penting berperanan dalam mempercepat keadaan. Organisasi pengganas menggunakan platform media sosial untuk merekrut, melatih dan berkomunikasi dengan pengikut mereka, penyokong, penderma kerana kaedah ini lebih murah, lebih mudah, cepat dan berkesan komunikasi.

Oleh itu, artikel ini akan membincangkan mengenai penggunaan media sosial dalam penyebaran mesej terrorisme terutama dalam kalangan pelajar IPT. Selain itu, ia juga melihat akan besarnya peranan pihak berautoriti untuk menjaga kebijakan dan meningkatkan kesedaran kepada para pelajar tentang bahayanya isu ini demi kepentingan keamanan dalam menangani isu sejagat.

2.0 Partisipasi Media Sosial dan Mesej Terrorisme

Ciri-ciri seperti ketersediaan, jangkauan, kepuasan dan kemampuan yang dimiliki oleh media sosial sebagai alat untuk menyebarkan provokasi dan isu keganasan dan ini menjadikan media sosial seperti *YouTube*, *Facebook* dan *Twitter* dimanfaatkan sepenuhnya oleh kumpulan pengganas untuk mencapai tujuan mereka dan menyebarkan mesej mereka (*Terrorist groups recruiting through social media*, 2012). Oleh itu, dapat dilihat di sini bahawa partisipasi media sosial sebagai salah satu platform untuk menyebarkan idea dan mesej keganasan membawa kepada perubahan teras yang utama dalam fungsi sebenar media sebagai medium untuk melaporkan sesuatu berita ataupun maklumat. Dalam hal ini, kajian dari KhosraviNik (2017) menambah bahawa perkembangan teknologi baru memainkan peranan utama dalam memberi kemudahan kepada peranan pengganas, gerakan radikal untuk menggerakkan idea mereka, merekrut orang baru dan dipercaya dalam merealisasikan hasrat dan visi pengganas. Dalam bahagian ini, penyelidik akan mengulas beberapa sorotan kajian yang lepas yang membincangkan tentang penggunaan media sosial secara kritis sebagai platform menyebarkan idea dan mesej keganasan serta bagaimana pengganas memanfaatkan ruang untuk meningkatkan partisipasi secara digital.

Menurut Hossain (2018), kajian yang beliau lakukan terutamanya di negara Asia Selatan menunjukkan bahawa penggunaan media sosial oleh organisasi pengganas telah meningkat dengan ketara dan ia menjadi salah satu cara penting dan segera untuk berkomunikasi, merekrut dan berdagang dengan semua anggota dan pengikut organisasi pengganas tersebut di seluruh dunia. Hal ini kemudian menjadikan kumpulan pengganas berjaya

mengerakkan aktiviti mereka dengan lebih teratur dan sekaligus ia mengancam keamanan dunia. Hossain juga menyatakan bahawa dalam beberapa tahun kebelakangan ini, sejumlah besar insiden penganas menjadi tanda amaran mengenai ancaman keganasan pada masa depan.

Banyak kajian menunjukkan bahawa perasaan takut dan risiko terhadap keganasan dan jenayah yang berlaku sepetimana yang dipaparkan di media adalah amat berkait tentang seberapa banyak perhatian dan berita yang dilaporkan mengenai isu keganasan dan jenayah (Nellis dan Savage, 2012). Kajian terdahulu oleh Wilkinsin (1997) telah menyatakan bahawa organisasi penganas sebenarnya bergantung kepada sistem media yang terbuka di beberapa negara demokratik untuk merealisasikan tujuan dan menyebarkan mesaj mereka. Dalam membincangkan mengenai hubungan media sosial dan mesej terrorisme, kajian terdahulu oleh Rogers dan Neumann (2007) mendapati bahawa tidak ada kumpulan radikal yang mereka temubual telah menjadi rekrut kepada ahli penganas hanya berdasarkan kepada sesi keterlibatan (*engagement*) melalui Internet. Dalam hal ini, Sageman (2004) juga berpendapat bahawa sesi keterlibatan (*engagement*) bersama Internet sahaja tidak memadai untuk merekrut ahli penganas yang baru. Namun, sementara itu, Alarid pada tahun 2016 menunjukkan penemuan baharu di mana komunikasi media sosial (*Social Media Communication*) ataupun SMC dapat dilihat menjadi platform terbuka untuk berbincang secara maya antara ekstremis terutama untuk mereka memasuki atau mendapatkan akses ke mana-mana organisasi atau tempat secara sembunyi untuk mendapatkan maklumat rahsia.

Mengambil contoh kajian yang dijalankan oleh Jaid & Vaidya (2021) ketika krisis peperangan berlaku, pengguna media sosial banyak membuat kandungan atau ciapan di *Twitter* yang berbentuk emosi melalui media sosial. Antaranya, ciapan mengenai pengeboman di Manchester (*Manchester Bombing*) pada ialah sebanyak 3,265,007, manakala serangan di Paris (*Paris Attack*) pada 2015 ialah sebanyak 6,500,000 dan serangan ke atas Mumbai atau *Mumbai attack* pada 2008 adalah sebanyak 10,000. Ini adalah antara contoh krisis peperangan yang mendapat banyak ciapan di *Twitter* dan ini menunjukkan media sosial menjadi platform untuk menyebarkan info berkaitan mesej keganasan yang tidak dapat dipastikan kecenderungannya sama ada ke arah positif atau negatif. Menurut kajian ini, mesej keganasan disampaikan di *Twitter* bermula pada 2008 lagi iaitu ketika serangan ke atas Mumbai berlaku yang mana *Twitter* mula diperkenalkan pada Mac 2006 yang dicipta oleh Jack Dorsey, Noah Glass, Biz Stone dan Evan Williams. Menariknya kajian mereka juga mengeluarkan contoh tanda palang (*hashtag*) untuk setiap krisis peperangan yang berlaku dari 2008 hingga 2017. Antaranya #Manchester, #OrlandoShooting, #Orlando, or #pulseshooting, #paris2015, #parisattacks, #Bataclan, #paris, #Westgate, #Nairobi, #Kenya, #Terrorist.

Mesej mengenai keganasan yang disampaikan melalui *Twitter* juga ditunjukkan melalui kajian oleh Cunningham et al. (2015). Kajian ini lebih bersifat spesifik dan mengenalpasti kehadiran ISIS secara dalam talian melalui *Twitter* yang berfungsi sebagai platform kepada penyokong ISIS untuk menghantar dan menerima mesej, video, gambar, pautan dan lain-lain kepada khalayak. Selain *Twitter*, *Facebook* juga menjadi platform untuk menyebarkan mesej berkaitan keganasan. Contohnya, kajian oleh Awan (2016) yang telah mengkaji 100

halaman *Facebook*, catatan, dan komen telah menemui 494 contoh ucapan kebencian terhadap orang Islam. Selain itu, Nilsen et al. (2018) juga telah mengadakan kajian menggunakan kaedah analisis tematik dan menjumpai enam tema utama alasan penggunaan media sosial hasil serangan keganasan pada 2011 di Utoya, Norway. Sebanyak 112 temu bual yang dilakukan telah menemukan enam tema utama iaitu pertukaran maklumat, menyampaikan sokongan sosial, berkabung, melakukan beberapa tindakan simbolik, dan mengambil bahagian dalam perbincangan dan akhir sekali ialah perbahasan mengenai keganasan.

Berbincang mengenai ekstremisme ini, Malaysia juga tidak terkecuali daripada berdepan dengan isu ini kerana Malaysia mempunyai pelbagai etnik dan agama yang berbeza. Menurut Hamidi (2016) Malaysia juga turut menjadi tempat tumpuan kumpulan pengganas yang menggunakan agama untuk merekrut ahli baru dan menyebarkan ideologi mereka. Ini terbukti bahawa pada 2016, polis berjaya menumpaskan kumpulan berkaitan ISIS berikutnya pengeboman yang berlaku di sebuah kelab malam, Kuala Lumpur. Apa yang lebih menakutkan ialah umat Islam di Malaysia turut direkrut secara aktif secara dalam talian untuk menjadi ahli ISIS dan terlibat dalam aktiviti militant di luar negara seperti di Syria.

Di samping itu, isu ekstremisme agama juga dilihat sebagai isu yang rumit di Malaysia kerana sensitiviti majoriti penduduknya yang beragama Islam. Ekstremisme agama di Malaysia sering dikaitkan dengan Islam kerana sorotan media mengenai pengganas Islam seperti kumpulan seperti ISIS, Boko Haram, dan al-Qaeda. Namun begitu, terdapat kajian di Malaysia menunjukkan bahawa rakyat Malaysia mempunyai kecenderungan untuk bersimpati terhadap kumpulan berdasarkan agama, walaupun mereka dicap sebagai kumpulan pengganas antarabangsa. Sebagai contoh, penyelidikan yang dijalankan oleh Pew Research (2015) menunjukkan bahawa 11% umat Islam Malaysia bersimpati kepada ISIS, manakala penyelidikan pada 2017 dijalankan oleh badan pemikir Malaysia memberi tumpuan kepada keganasan dan ekstremisme, IMAN, menunjukkan bahawa 10% daripada Belia Malaysia merasakan bahawa ekstremisme ganas adalah wajar (IMAN Penyelidikan, 2019).

Contoh kajian yang diulas di atas memperlihatkan kajian-kajian yang berkaitan dengan analisis media sosial terutama berkaitan dengan tindakan keganasan. Selain itu, ia juga mengupas mengenai penggunaan media sosial masa lalu pada masa serangan pengganas dalam sejumlah pengeboman, tembakan, letusan yang berlaku di seluruh dunia. Penyelidik juga membincangkan beberapa kajian yang berkaitan dengan analisis data *Twitter* dan *Facebook* yang merupakan platform media sosial paling banyak digunakan. Namun, sebenarnya lebih banyak lagi kajian yang membincangkan hubungan antara media sosial dan mesej keganasan.

Walau bagaimanapun, terdapat satu kajian menarik yang ingin dikongsikan iaitu dari Macdonald et al. (2019) yang membincangkan untuk mengawal mesej kandungan berkaitan keganasan di media sosial. Ini kerana, dalam perbincangan mereka ada dinyatakan bahawa setiap media sosial mempunyai terma dan syarat yang tertentu bahawa kandungan yang berbaur keganasan adalah dilarang. Sebagai contoh, Piawaian Komuniti

Facebook (Facebook's *Community Standards*) menyatakan bahawa organisasi yang melakukan aktiviti pengganas tidak dibenarkan. Penggunaan *Facebook* untuk memudahkan atau mengatur aktiviti jenayah yang menyebabkan kerosakan fizikal atau kerosakan kewangan kepada orang atau perniagaan juga dilarang, seperti mengancam bahaya fizikal kepada individu dan merayakan kejahatan yang telah dilakukan seseorang. Selain itu, *Twitter* juga menetapkan peraturan yang mlarang penggunaan perkhidmatan untuk tujuan yang menyalahi undang-undang atau untuk meneruskan aktiviti haram. Ini termasuk mengancam atau mempromosikan keganasan, serta hubungan dengan organisasi yang menggunakan atau mempromosikan keganasan terhadap orang awam untuk memajukan penyebabnya. Manakala, Garis Panduan Komuniti YouTube menyatakan bahawa organisasi pengganas tidak boleh menggunakan platform untuk tujuan apa pun, termasuk pengambilan pekerja. Kandungan yang berkaitan dengan keganasan, seperti kandungan yang mempromosikan tindakan pengganas, menghasut keganasan atau meraikan serangan pengganas, juga dilarang. Melihat kepada penemuan kajian ini, ia menunjukkan satu tanda yang menuju ke arah postif dalam usaha untuk tidak menjadikan media sosial sebagai platform penyebaran keganasan. Namun, sejauh mana garis panduan ini dipatuhi oleh syarikat media sosial tersebut dan bagaimana pula pelaksanaan untuk memastikan semua mesej keganasan di media sosial perlu dipantau adalah perkara utama yang perlu diberi perhatian.

3.0 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah temubual mendalam bersama lapan informan yang dilantik berdasarkan beberapa kriteria yang telah ditetapkan lebih awal. Penentuan pemilihan informan bagi kajian ini dipilih apabila melihat kesesuaian dan kredibiliti informan yang akan dilibatkan dalam kajian ini. Dalam hal ini, kumpulan penyelidik telah memilih informan pakar bidang yang terdiri daripada ahli akademik, pengamal media, pihak berkuasa dan pihak institusi keselamatan untuk mendapatkan pandangan mereka khasnya mengenai partisipasi pelajar IPT dalam kegiatan ekstremisme berdasarkan pengalaman dan pengetahuan mereka. Berdasarkan temubual ini, para penyelidik dapat meningkatkan pengetahuan dan mendalami mengenai isu ini. Kesemua informan ditanya soalan yang sama iaitu berkaitan partisipasi mahasiswa atau pelajar IPT dalam kegiatan ekstremisme dan bagaimana langkah pencegahan yang boleh dilakukan bagi mengatasi penglibatan pelajar IPT dalam isu ini. Data temubual yang dirakam melalui kajian ini dianalisis secara tematik bagi memudahkan tujuan analisis dan perbincangan dengan menggunakan perisian NVivo 12 yang khusus untuk membantu para penyelidik mengkoordinasi dan mengorganisasikan data ini. Kesemua data temubual akan diperdengarkan semula, ditranskripsikan secara verbatim dan seterusnya dianalisis melalui Nvivo. Seterusnya, pembinaan tema yang bersesuaian akan dibina bagi menghuraikan bahagian analisis berkenaan partisipasi pelajar IPT yang menjadi tujuan utama dalam kajian ini.

4.0 Dapatan Kajian

Berdasarkan analisis yang dijalankan, kajian ini menemukan dua tema utama yang menjadi perbincangan utama dalam kalangan informan iaitu partisipasi atau penglibatan pelajar IPT dalam kegiatan ekstremisme dan juga pentingnya meningkatkan kempen kesedaran untuk membanteras isu ini daripada terus berleluasa.

4.1 Partisipasi Pelajar Universiti terhadap Aktiviti Ekstremisme Secara Dalam Talian

Penggunaan media sosial tanpa kawalan mampu mempengaruhi minda seseorang individu untuk terdedah kepada mesej yang berbaur keganasan, ancaman, sekatan dan sebagainya. Ianya semakin membimbangkan apabila penyebaran ideologi ini turut tersebar dalam kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Dalam membincangkan mengenai isu penglibatan atau partisipasi pelajar IPT dalam kegiatan ekstrem, kajian ini telah berjaya menemubual beberapa pakar bidang dalam membahaskan isu ini. Berdasarkan temubual bersama Informan A iaitu seorang pegawai PDRM pada 30 Mac 2021, kerjasama antara pihak Universiti dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) adalah penting dengan mengadakan penilaian berkala ke atas kakitangan dan pelajar asing serta individu lain yang disyaki cenderung kepada perjuangan kumpulan pengganas.

“Kajian juga telah mendapati penggunaan video dan media sosial sebagai senjata kumpulan pengganas ini untuk membina pengaruh menyebar propaganda dan merekrut golongan muda untuk menyertai perjuangan mereka. Dan pemantauan ke atas media sosial membuktikan bahawa aplikasi Facebook dan Telegram merupakan media utama yang digunakan dalam usaha merekrut ahli baru. Sehubungan dengan itu, mahasiswa adalah dinaisahkan untuk tidak terlibat atau bersederhana dalam pergaulan dengan individu yang berfahaman ekstremis”

Berdasarkan laporan tangkapan yang dibuat oleh pihak berkuasa, jelas menunjukkan bahawa kumpulan ini mudah terdedah kepada ideologi keganasan melalui media sosial. Artikel ini juga melihat kepada penglibatan pelajar terutama mereka yang berada di institusi pendidikan tinggi yang terlibat dalam aktiviti keganasan melalui media sosial. Banyak laporan akhbar sebelum ini yang melaporkan mengenai penglibatan sesetengah kumpulan pelajar dikhuatiri terlibat dalam aktiviti keganasan. Pendedahan kepada media sosial dan juga tekanan hidup yang dihadapi menjadi salah satu faktor utama yang menyumbang kepada kes ini. Kumpulan IS mensasarkan golongan muda untuk diperdayakan sehingga menyertai IS dengan menggunakan medium *Facebook* yang sememangnya susah untuk dikawal dan disekat penggunaannya. Dalam laporan berita tersebut, Datuk Ayub Khan Mydin Pitchay berkata, pihak berkuasa berusaha untuk membanteras kegiatan ini dengan memberi penerangan kepada masyarakat secara berterusan selain bekerjasama rapat dengan jabatan agama di setiap negeri (Militan IS: Media sosial masih jadi medium utama rekrut ahli – Polis, 2015).

Informan A ini juga menasihati mahasiswa untuk menyemak sebarang hadis yang diperolehi di portal contohnya MyHadis yang dikelola oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan sentiasa menyemak ilmu-ilmu agama yang telah dikongsi oleh

pakar agama yang bertauliah di negara kita supaya tidak terdedah dengan ajaran yang bertentangan.

Manakala Informan B seorang ahli akademik yang ditemubual pada 19 Februari 2021 pula menambah bahawa pelajar-pelajar mempunyai pelbagai jenis dan ragam. Mereka antara yang paling minat untuk mengaji dan mencari ilmu agama. Kebiasaan kategori ini yang paling biasanya akan terjebak dengan ekstremisme, fahaman liberalism. Informan B juga tidak menafikan bahawa media sosial menjadi punca yang menjadikan pelajar mudah terikut-ikut dengan aktiviti keganasan.

“Kalau di kalangan mahasiswa ni saya nampak dia gerakan tu lah. Dia akan masuk dalam usrah, ataupun dia tertarik dengan tenaga pengajar tertentu yang membawa fahaman tersebut. Dan kalau di peringkat awal dulu saya kaunseling golongan JI mereka banyak dalam sistem usrah. Tapi kalau di kalangan ISIS mereka banyak dalam sistem media sosial terutamanya Telegram. Haa sebab Telegram ni dia macam ada kerahsiaan sikit. Haa eh. So aa.. itulah. Haa maknanya yang mendorong wujudnya keganasan asalnya pelajar-pelajar ni nak belajar agama, hahaha, nak belajar agama kan, jadi tiba-tiba dapat fahaman lain. Haa tu jadi lain. Sebabtu saya punya pandangan kita kena sibukkan mahasiswa dengan aktiviti-aktiviti yang betul”

Hal ini disokong oleh Informan F seorang pengamal media yang ditemubual pada 22 April 2021) dengan menyatakan bahawa;

“They are trying very hard untuk penetrate ke dalam negara kita, rekrut orang-orang muda dalam kalangan pelajar universiti, dan juga dalam kalangan kalau macam based on our interview dengan PDRM baru ni, dalam kalangan convert (muallaf). Okay. So puak-puak ni memang menggunakan usaha melalui media sosial untuk rekrut. Mereka menanamkan ideology extremism dan bertindak melalui keganasan.”

Informan D yang merupakan seorang pegawai PDRM ketika ditemubual pada 25 Februari 2021 juga menambah bahawa pelajar IPT ini mudah dipengaruhi melalui Facebook. Beliau mengulas:

“Aaa aa itu.. kekangan kita sebenarnya, dia tak macam zaman dulu. Zaman dulu masa Ustaz Abu Bakar Ba’asyir datang ke Malaysia, dia lebih kepada usrah-usrah...Aaaa dia berkumpul orang ni datang jumpa dia. Sekarang ni dah guna ni ja, facebook, youtube.. aaa whatsapp dan kalau ikutkan macam aaa IS, dia ada majalah dia sendiri. Majalah Dabiq”

Beliau juga menambah bahawa pernah menguruskan satu kes berkaitan pelajar yang telah dipengaruhi sehingga sanggup menggunakan eluan bulanan untuk mengumpul duit demi perjuangan.

“Dia macam ni lah.. cerita dia macam ada satuu.. aaa pelajar perempuan. Dia kolej jururawat di HTJ.. Yes Seremban... Itu saya sendiri yang, saya yang ambil soal siasat perempuan tu. Dia duduk dengan saya selama 24 hari. Tiap-tiap hari saya jumpa dia. Tanya dia tanya dia. Dia sebenarnya dia dah pergi ke Syria. Disebabkan saya tanya kenapa? Disebabkan cinta...”

Penemuan di atas sebenarnya dapat dikaitkan dengan laporan akhbar yang lepas mengenai penglibatan pelajar IPT yang terjebak dengan ideologi keganasan di media sosial. Seperti contoh laporan oleh Bernama (20 Disember 2016) yang mendedahkan bahawa terdapat dua pelajar Universiti di Shah Alam yang ditangkap antaranya kerana terlibat dalam kumpulan militant Daesh kerana dua pelajar tersebut disyaki terlibat dalam percubaan mendapatkan maklumat sensitif mengenai aspek keselamatan di sebuah sekolah antarabangsa di Kuala Lumpur. Selain itu, penahanan 12 pelajar IPT yang terlibat dengan kegiatan ekstremisme Daesh. Hasil siasatan pihak polis juga menunjukkan bahawa terdapat beberapa pensyarah IPT yang cuba mempromosikan ideologi Salafi Jihadi yang menjadi pegangan kumpulan penggalas Daesh. Malah sejak 2013 pembabitan mahasiswa dalam kegiatan keganasan ini semakin meningkat dan ini menunjukkan bahawa ancaman dan penularan ideologi keganasan masih bergerak aktif (Norhafzan, 2018).

4.2 Meningkatkan Kesedaran Mahasiswa Tanggungjawab Bersama

Dalam membincangkan isu berkaitan mahasiswa dan aktiviti ekstremisme ini, Informan B seterusnya ada mencadangkan agar Universiti menyediakan majlis ilmu dan pengajian yang dikawal serta dikenalpasti kandungan dan tenaga pengajarnya. Hal ini kerana untuk mengelak daripada mahasiswa mendapat ajaran yang sesat dan sekaligus menjadikan mereka terjebak dengan ilmu yang tidak bermanfaat.

Informan B menambah bahawa sekiranya pihak Universiti atau IPT tidak menyediakan program-program yang bermanfaat dikhuatiri pelajar akan mencari ilmu di luar yang tidak pasti kesahihannya. Beliau berpendapat bahawa setiap pelajar yang masuk ke Universiti atau IPT perlu diberi ‘suntikan’ atau vaksin terlebih dahulu supaya mereka selamat dari ajaran sesat. Beliau berpendapat:

“Sebelum anak-anak kita menyambung pengajian ke luar negara khususnya, kita perlu dedahkan kepada mereka bahawa terdapat banyak cabaran di luar sana dan ancaman yang akan mengganggu ideologi akidah dan sebagainya. Sebab itu pentingnya pendedahan awal dan pendidikan kepada pelajar supaya tidak mudah terpengaruh dengan ajaran yang mereka ikuti.”

Seterusnya perbincangan mengenai pentingnya untuk pihak berautoriti seperti sekolah, pejabat agama, pemimpin, pihak polis dan sebagainya untuk bersatu dan konsisten dalam memberi pendidikan kepada kumpulan individu terutama pelajar untuk membanteras kegiatan jenayah yang melibatkan mereka. Informan C seorang pegawai tinggi di Institusi Keselamatan yang ditemubual pada 13 April 2021 mencadangkan bahawa:

“Sekarang ni mereka ni too advance dan mereka menggunakan Internet. Jadi, the most kita boleh buat kita saring bagitahu kepada pihak tertentu dan kawal sekiranya mereka kerap menggunakan laman web tertentu, menderma atau melanggan artikel dan sebagainya. Jadi dalam hal ini, semua pihak seperti pihak pengajar, pihak agama, pihak pemimpin bersatu memperkasakan pencegahan ini secara konsisten.”

Dapatan temubual oleh Informan B dan C amat bertepatan dengan penemuan yang diperolehi oleh Mohd Hefzan et al. (2018) yang mensasarkan kumpulan pelajar prasiswazah di UKM seramai 346 responden adalah untuk melihat tahap kefahaman para pelajar mengenai isu IS, ISIS, Daesh dan militan di media sosial. Walau bagaimanapun, hasil kajian menunjukkan bahawa tahap kefahaman pelajar secara umumnya berada ditahap yang rendah berdasarkan purata keseluruhan nilai min iaitu 1.63. Ini menunjukkan mereka masih tidak memahami apakah agenda disebalik perjuangan Daesh dalam membentuk negara Islam berkhalifah. Hal ini dibuktikan apabila pelajar sebenarnya tidak mengikuti perkembangan semasa dan sekaligus tidak memahami apa agenda yang diperjuangkan oleh Daesh atau IS dan ini menunjukkan mereka mempunyai tahap kesedaran yang rendah. Melihatkan kepada hasil kajian yang dibentangkan oleh Mohd Hefzan ini, ia menunjukkan perkaitan antara hubungan pelajar IPT dengan tahap kefahaman mereka mengenai isu keganasan sehingga ada di antara mereka yang terpedaya sehingga ditangkap kerana telah terjebak dengan pelbagai aktiviti ekstrem hanya melalui hantaran atau ciapan di media sosial. Oleh itu, amat dikhawatir sekiranya mereka kurang berpengetahuan terhadap isu keganasa ini dan terus menerima secara bulat-bulat tentang apa jua informasi yang diperolehi melalui media sosial tanpa diselidik terlebih dahulu.

Selain itu, Informan C juga menyarankan sebelum ini bahawa usaha yang konsisten oleh semua pihak merupakan sangat penting untuk memastikan pelajar IPT tidak terjebak dengan kegiatan yang salah dan dilarang. Ini kerana menurut Informan D, mahasiswa merupakan golongan pemangkin masa hadapan dan mereka tidak boleh menjadi taksub terhadap sesuatu perkara. Apa yang penting, mereka boleh menilai sesuatu itu yang mana baik dan buruk. Ini kerana mahasiswa ini sifatnya sebagai penerima, jadi mereka perlu tahu untuk menilai sesuatu yang datang.

“Harapan kami, ya lah mahasiswa ni sebenarnya adalah golongan pemangkin dalam menentukan kerajaan selepas ini. Mereka yang akan menjadi pemimpin-pemimpin kepada negara kita kan. Jadi ada sesetengah kumpulan pelajar yang terlalu taksub dan ada yang tidak. Yang paling penting, mereka ni tahu menilai mana baik mana buruk lah benda tu.”

Apa yang diusulkan oleh Informan D sebenarnya sangat berkait rapat dengan apa yang disampaikan oleh Informan E, seorang ahli akademik yang ditemubual pada 12 Februari 2021. Informan D menyatakan bahawa pelajar perlu tahu menilai sesuatu atau apa sahaja yang datang kepada mereka sama ada itu baik atau buruk. Ini kerana, menurut Informan E, sekiranya seorang atau dua sahaja yang terjebak dalam kegiatan ekstremisme, maka ia sebenarnya boleh memberi kesan yang besar. Oleh itu, amat wajar pelajar atau mahasiswa menilai sesuatu dengan teliti. Informan E berpendapat:

“Jadi, pada pandangan dan fikiran saya tidak mungkin pelajar yang kita jaga dan jumpa hari-hari ini sebenarnya ada terlibat dengan kegiatan ekstrem. Mungkin kita terlepas pandang dan berada dalam keadaan zon selesa. Sebenarnya jika seorang sahaja sudah terlibat dalam kegiatan ni, tapi it's enough to create a ripple effect nationwide. Maka kesimpulannya memang kita perlu mengakui wujudnya masalah ini dan perlu satu holistic plan yang saya sebutkan tadi sebagai national action plan yang perlu diwujudkan.”

Hal ini disokong oleh Informan F dengan menyatakan;

“This is kita panggil nation building. Nation building tu pembangunan negara bangsa dalam kalangan pelajar sekolah dan muda mudi kita. Jadi saya melihat silibus pelajaran pendidikan tu perlu dilihat semula untuk diterapkan dalam kalangan golongan bawah ni lah. Even yang sebaya kita pun, ataupun golongan yang dewasa pun ramai tak tau benda ni. Dia apa, psywar ni kan. Perang psywar ni kan. Sepatutnya perkara itu perlu diperjelaskan.”

Informan E juga mengusulkan beberapa cadangan seperti mengadakan penglibatan umum (*public engagement*) dan kempen kesedaran yang dibuat secara terhad yang dilakukan oleh pihak polis. Menurutnya, pihak Universiti juga ada mengadakan siri program kesedaran dan penulisan di media untuk meningkatkan kesedaran isu ini.

“Banyak penulisan-penulisan dalam akhbar misalnya ada tulis pasal ni. Mungkin program-program kesedaran tentang isu ini pun ada dilakukan. Maka, kita boleh katakan so far we are doing well. We are doing well because of number one kita masih boleh mengawal keadaan dan tidak ada kes-kes besar yang berlaku di Malaysia ni setakat ini sampai ke hari ini masih belum ada satu letupan atau pembunuhan secara besar-besaran dilakukan oleh kumpulan, shooting, killing or based on that.”

Informan G, seorang pegawai tinggi kerajaan ketika ditemubual pada 28 April 2021 berkata:

“Core bisnes kami memang buat aktiviti program la. Bengkel, workshop and then kita ada target group kita. Contoh, pelajar-pelajar universiti. Dan aaa... remember tadi kita ada dua kan, countering and preventing. Preventing itu yang orang kata daripada peringkat awal lagi. So, kita dedahkan kepada target audience kita, target group kita lah kepada pelbagai senario kemungkinan yang mana you know ideology radikal ini pengganas ini mungkin secara tak sedar ada di sekeliling mereka lah”

Selain itu, Informan H, seorang pengamal media ditemubual pada 30 Mei 2021 turut menambah bahawa kesedaran ini perlu dipupuk sedari awal lagi.

“Jika perhatikan dalam konteks yang macam tu, better for us to see, didiklah anak.. generasi baru ni daripada mula untuk.. dengan value-value yang baik supaya nanti bila dia jadi VC ka, vice chancellor ka, jadi ketua jabatan ka, dia tak memilih jalan-jalan ekstrem untuk menyelesaikan masalah. I think this is very important to be the whole of society punya approach ni mula daripada kecil sebab kita tengah didik ni ketua pengarah, perdana Menteri”

Berdasarkan kepada dapatan di atas, kewujudan Internet dan kuasa media sosial menawarkan kepada pengganas dan pelampau untuk ruang kepada mereka meningkatkan keupayaan untuk berkomunikasi, bekerjasama dan meyakinkan orang lain untuk menyertai aktiviti ekstremisme. Banyak kajian yang telah dijalankan dalam kalangan akademik dan pengamal media yang mula untuk mengkaji bagaimana internet mempengaruhi proses radikalisa; bagaimana seseorang datang untuk menyokong keganasan dan bentuk ekstremisme yang membawa kepada keganasan. Selain itu, Behr et al. (2013) menyokong bahawa kewujudan Internet juga telah menjadi sumber utama maklumat, komunikasi dan propaganda dan dapat diakses oleh ramai orang tanpa mengira jantina, agama atau bangsa yang membolehkan mereka berhubung dengan pemikiran yang sama antara individu dari seluruh dunia. Hal ini telah membawa kepada penemuan beberapa permasalahan yang ditimbulkan dan melibatkan pelajar IPT dalam aktiviti ekstrem dan keganasan. Justeru, cadangan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan pengguna media sosial amat perlu dititikberatkan. Antara cadangan adalah meningkatkan kempen kesedaran, penglibatan awam, program penilaian berkala, majlis ilmu dan pengajian, bersederhana dalam pergaulan, penulisan media, silibus pelajaran pendidikan, pelan tindakan kebangsaan dan sebagainya.

5.0 Kesimpulan

Kebangkitan media sosial telah mewujudkan banyak peluang baru bagi individu untuk berhubung dan berkongsi antara satu sama lain dari seluruh pelosok dunia. Tidak menghairankan bahawa media sosial telah memainkan peranan dalam menyebarkan aktiviti ekstrem dan keganasan. Perkembangan baru dalam komunikasi melalui dunia digital tidak berlaku tanpa risiko. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, media sosial melihat peningkatan aktiviti dalam menyokong pelbagai organisasi pengganas. Dengan akses ke platform ini, organisasi pengganas berpotensi menyebarkan jangkauan mereka ke khalayak yang baru dari hujung jari mereka. Walau bagaimanapun, para penyelidik juga amat mengambil berat mengenai isu yang tidak bertanggungjawab iaitu apabila sesetengah individu atau kumpulan yang mencipta akaun palsu, membuat penyamaran identiti dan secara pastinya ada yang berkongsi tentang fakta yang tidak benar hingga membawa kepada berita palsu dan panik kepada pengguna. Hal ini memberi ruang kepada pengganas untuk bebas berkongsikan aktiviti mereka dan membiarkan mereka secara terbuka berkongsi maklumat yang diragui. Dapatan di atas membentangkan mengenai dua tema utama yang ditemui hasil temubual bersama pakar bidang khususnya berkaitan penggunaan media sosial khususnya untuk menyebarkan informasi berkaitan ekstremisme. Kajian sebegini sebenarnya perlu lebih diteliti lagi dengan mencari strategi memerangi keganasan dalam dunia digital. Namun begitu, penyelidik sedar bahawa kajian dengan skala yang lebih besar harus dilakukan bukan sahaja untuk mengenal pasti perbuatan keganasan di

media sosial (yang merupakan platform paling banyak digunakan) tetapi juga sebagai alat keselamatan dan langkah pencegahan.

Penghargaan

Terima kasih kepada semua ahli penyelidik yang telah banyak memberi kerjasama dalam menyiapkan kajian ini. Kajian ini telah mendapat peruntukan melalui The Fundamental Research Grant Scheme for Research Acculturation of Early Career Researchers (FRGS-RACER) Fasa 1/2019. Kajian ini juga telah mendapat kelulusan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan USIM (USIM/REC/1020-145).

Rujukan

- Alarid, M. (2016). Recruitment and radicalization: The role of social media and new technology. In M. Hugges & M. Miklaucic (Eds.), *Impunity: Countering illicit power in war and transition* (pp. 313–330).
- Astro Awani. (May 24, 2015). Militan IS: Media sosial masih jadi medium utama rekrut ahli-Polis. Retrieved from <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/militan-media-sosial-masih-jadi-medium-utama-rekrut-ahli-polis-60647>
- Awan, I. (2016). Islamophobia on social media: A qualitative analysis of the facebook walls of hate, *Int. J. Cyber Criminol* 10 (1) 1–20.
- Behr, I. V., Reding, A., Edwards, C., & Gribbon, L. (2013). Radicalisation in the digital era: The use of the internet in 15 cases of terrorism and extremism.https://www.rand.org/content/dam/rand/pubs/research_reports/RR400/RR453/RAND_RR453.pdf
- Terrorist groups recruiting through social media. (10 Januari 2012). CBC News. <https://www.cbc.ca/news/science/terrorist-groups-recruiting-through-social-media-1.1131053>
- D. Cunningham, S. F. Everton., & R. Schroeder. (2015). Social media and the ISIS narrative. Retrieved from https://calhoun.nps.edu/bitstream/handle/10945/53059/Social_Media_and_the_ISIS_Narrative_%28Everton_et_al%29.pdf?sequence=1&isAllowed=y
- Hamidi, A. Z. (2016). Malaysia's policy on counterterrorism and deradicalisation strategy. *Journal of Public Security and Safety*, 6 (2), 4. https://www.moha.gov.my/images/maklumat_bahagian/ipsom/jurnal/volume8/1_v8.pdf

- Hossain, M. S. (2018). Social Media and Terrorism: Threats and Challenges to the Modern Era. *South Asian Survey*, 22 (2): 136-155. Doi: 10.1177/0971523117753280
- IMAN Research. (2019, October). Believing in extremism: What drives our youths. IMAN Research. <https://imanresearch.com/publication/believingin-extremism-what-drives-our-youths/>.
- Iszuanie Che Ilias. (2007). Statistik Pemasaran Media Sosial di Malaysia 2020. Retrieved from <https://rootofscience.com/blog/2020/sains-komputer/statistik-pemasaran-media-sosial-di-malaysia-2020/>
- Jain, P.N., & Vaidya, A. S. (2021). Analysis of Social Media Based on Terrorism. *Vietnam Journal of Computer Science*, 8 (1) 1-21. Doi: 10.1142/S2196888821300015
- KhosraviNik, M. (2017). Social media critical discourse studies (SM-CDS). In J. Flowerdew & J. E. Richardson (Eds.), Routledge handbook of critical discourse studies (pp. 582–596). Routledge
- Macdonald, S., Correia, S., & Watkin, A. (2019). Regulating terrorist content on social media: Automation and the rule of law. *International Journal of Law in Context*, 15(2), 183-197. doi:10.1017/S1744552319000119
- Militan IS: Media sosial masih jadi medium utama rekrut ahli – Polis. (24 Mei 2015). Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/militan-media-sosial-masih-jadi-medium-utama-rekrut-ahli-polis-60647>
- Mohd Hefzan Azmi, Azmi Aziz & Ishak Abd Rahman. (2018). Ideologi Terorisme Di kalangan Pelajar Universiti: Isu Dan Cabaran. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 4 (10), 87-95.
- Müller, J. (2021). Social media users as a percentage of the total population Malaysia 2021. (Apr 7, 2021). Retrieved from <https://www.statista.com/statistics/883712/malaysia-social-media-penetration/>
- Nellis, A. M., & Savage, J. (2012). Does watching the news affect fear of terrorism? The importance of media exposure on terrorism fear. *Crime & Delinquency*, 58(5), 748–768. <https://doi.org/10.1177/0011128712452961>
- Nilsen, L. G., Hafstad, G. S., Staksrud E., & Dybi, G. (2018). Five reasons for using social media among young terror survivors: Results from the Utoya study. *Computers in Human Behavior*, 84 (2018), 285-294. <https://doi.org/10.1016/j.chb.2018.03.006>.
- Norhafzan Jaafar (27 Feb 2018). Pensyarah merekrut pelajar. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/02/393699/pensyarah-merekrut-pelajar>

Pelajar Asing Antara Tujuh Ditahan Terlibat Kumpulan Pengganas. *Bernama* (20 Disember 2016). https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2016/12/20/daesh-pelajar-asing?itm_source=parsely-api

Rogers, B., & Neumann, P. (2007). *Recruitment and mobilisation for the Islamist militant movement in Europe*. Kings College London.

Sageman, M. (2004). *Understanding terror networks*. University of Pennsylvania Press.

Wilkinson, P. (1997). The media and terrorism: a reassessment. *Terrorism and Political Violence*, 9 (2) 51–64. doi:[10.1080/09546559708427402](https://doi.org/10.1080/09546559708427402).